

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 1 OGOS 2025
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA : 5
SURAT

Hala tuju baharu pembangunan lebih adil, mampan

RANCANGAN MALAYSIA KE-13

Hala tuju baharu pembangunan lebih adil, mampan

PERUNTUKAN RMK13

- RM611 bilion** KESELURUHAN
 - RM430 bilion** daripada Kerajaan
 - RM120 bilion** daripada GLC/GLIC
 - RM61 bilion** daripada kerjasama awam swasta (PPP/PFI)

AGIHAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN

52.8% Sektor Ekonomi	30.9% Sektor Sosial
11.8% Sektor Keselamatan	4% Sektor Pentadbiran

RMK13 fokus tiga kebijakan utama pastikan sasaran dirangka berjaya dicapai

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Kuala Lumpur: Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) yang dibentangkan semalam, adalah litizam nasional untuk melakar semula pembangunan negara ini, demi mengukuhkan martabat rakyat dan memperkukuh asas ekonomi yang lebih adil serta mampan, tegas Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menegaskan, RMK13 yang dibentangnya itu bukan semata-mata pelan ekonomi lima tahun, sebaliknya komitmen moral untuk menegakkan keadilan sosial, memurnikan tatakelola serta memastikan kekayaan negara diagih secara saksama kepada seluruh rakyat.

"Seluruh rakyat Malaysia diadun seru bersama-sama membulatkan tekad dengan penuh litizam untuk membuat perubahan dalam memastikan pembangunan sosioekonomi negara kekal mampan serta memastikan seluruh rakyat secara adil dan saksama," katanya membentangkan RMK13 di Dewan Rakyat, semalam.

Bagi menjabarkan pelan pembangunan antara 2025 hingga 2030 itu, sejumlah RM611 bilion peruntukan diperlukan, merangkumi RM430 bilion peruntukan kerajaan, RM120 bilion pembiayaan syarikat berkeajaan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) serta RM61 bilion melalui kerjasama awam-swasta (PPP).

Daripada jumlah itu, RM227 bilion diperuntukkan untuk sektor ekonomi; RM133 bilion bagi sektor sosial seperti pendidikan (RM67 bilion) dan kesihatan (RM40 bilion), RM51 bilion untuk keselamatan, manakala RM17 bilion bagi pentadbiran.

Menerusi pelan lima tahun itu juga, Kerajaan MADANI menasaskan Malaysia muncul negara berpendapatan tinggi dan berada dalam kelompok 30 ekonomi utama dunia pada 2030 dengan sasaran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) berkembang 4.5 hingga 5.5 peratus setahun dan eksport kasar meningkat 5.8 peratus setahun.

Perdana Menteri berkata, defisit fiskal Persekutuan dijangka menurun secara berperingkat ke bawah tiga peratus daripada KDNK, sementara paras hutang kekal terkawal tidak melebihi 60 peratus.

Sasar PNK naik RM77,200

Pendapatan negara kasar (PNK) perkapita pula disasar meningkat kepada RM77,200, sekali gus dijangka melepasi nilai ambang negara berpendapatan tinggi, katanya.

"Pasaran buruh terus diperkasa dengan pampasan pekerja kepada KDNK dijangka 40 peratus, kadar pengangguran berada pada tahap guna tenaga penuh dan kadar inflasi kekal stabil antara dua hingga tiga peratus," katanya.

Dipenuhi pelbagai inisiatif, RMK13 akan memunculkan kepada tiga kebijakan utama iaitu tatakelola baik menjadi paksi kepada pentadbiran negara dalam memastikan kekayaan negara diagihkan secara adil dan saksama serta mengambil kira keperluan rakyat.

Kedua, meningkatkan kerencanan ekonomi secara menyeluruh kepada penciptaan nilai dalam semua sektor ekonomi dengan tunjang utama peralihan ini adalah pendigitalan dan teknologi termaju, terutama kecerdasan buatan (AI).

Ketiga, pembangunan yang terangkum dan responsif dengan keutamaan untuk meningkatkan taraf kehidupan rakyat dengan usaha akan dipergiat bagi membantu rakyat menangani beban kos sara hidup, membentuk sistem sosial negara berteraskan insan MADANI, mempertingkatkan mutu kehidupan serta memperkukuh tahap sosioekonomi golongan sasar ke arah mencapai kehidupan wajar.

Dalam sektor strategik, kedudukan Malaysia sebagai pengeksport komoditi terbesar semikonduktor dunia dan menasaskan eksport produk elektrik dan elektronik (E&E) mencecah RM1 trilion menjelang 2030 melalui pelaksanaan Strategi Semikonduktor Nasional (NSS).

Kerjasama dengan ARM Holdings serta penglibatan syarikat global seperti Amazon Web Services dan Infineon akan melonjak Malaysia daripada sekadar hab pengeluaran kepada peneraju teknologi semikonduktor bernilai tinggi, kata Anwar.

Sektor tenaga turut dipacu menerusi peralihan kepada sumber boleh baharu dengan sasaran campuran kapasiti terpasang meningkat kepada 35 peratus pada 2030, sekali gus membuka peluang pelaburan dan pekerjaan dalam rantai tenaga mampan.

Pembangunan wilayah turut diberi keutamaan bagi merapatkan jurang pembangunan antara kawasan, termasuk di Sabah dan Sarawak yang diposisikan sebagai hab tenaga lestari serantau, serta Pantar Timur yang bakal menjadi hab pengeluaran makanan bernilai tinggi.

Dalam menghadapi cabaran globalisasi, Malaysia memperkukuh keterlibatan antarabangsa melalui pemerkasaan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) serta pelaksanaan projek strategik seperti RTS Link dan Grid Tenaga ASEAN.

Kerajaan juga komited memperkukuh pembangunan modal insan, termasuk penawaran TVET berasaskan teknologi termaju, sejajar dengan keperluan industri serta menasaskan penciptaan 1.2 juta pekerjaan baharu menjelang 2030.

"RMK13 ini bukan hanya perencanan pembangunan materi semata, tetapi litizam moral untuk menegakkan negara yang sejahtera dan adil.

"Perubahan bermakna yang kita impikan ini perlu diterjemahkan secara kolektif dan digerakkan dengan penuh litizam oleh semua lapisan masyarakat.

"Kita tidak sekadar mahu mencapai status negara berpendapatan tinggi, malah kita mahu rakyat terbanyak, di kota mahupun di pedesaan, dari Perlis sampai ke Sabah, menikmati kemudahan dan kehidupan yang selesa, mendapat peluang yang saksama untuk terus melangkah maju selari dengan hasrat menaikkan martabat darjat dan harakat rakyat," kata Anwar ketika menutup ucapan pembentangnya.

Pelbagai inisiatif dilaksana rangsang pelaburan tingkat ekonomi negara melalui RMK13.

(Foto hiasan)